



**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
KENYATAAN MEDIA**

**KEBENARAN PENGGAJIAN PEKERJA ASING
BAGI SUB SEKTOR GUDANG DARAT**

1. Kementerian Sumber Manusia (KSM) ingin memaklumkan bahawa selaras dengan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Bersama antara Menteri Dalam Negeri dan Menteri Sumber Manusia Mengenai Pengurusan Pekerja Asing, Kali Ke-7 pada **18 Julai 2022**, Sub Sektor Gudang Darat kini telah dibenarkan untuk penggajian pekerja asing.
2. KSM juga ingin memaklumkan bahawa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) selaku Agensi Kawal Selia bagi Sub Sektor Borong dan Runcit telah bersetuju memperluaskan syarat/kriteria kelayakan kuota penggajian pekerja asing di bawah sub sektor ini kepada peniaga runcit dengan keluasan lantai kurang daripada 2500 meter persegi.
3. Sehubungan itu, permohonan kuota baharu penggajian pekerja asing bagi kedua-dua sub sektor tersebut telah dibuka dan permohonan boleh dibuat oleh majikan di laman web www.fwcms.com.my. Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi Bahagian Pengurusan Pekerja Migran KSM ditalian 03-88852939/2940 dan emel oscksm@mohr.gov.my atau terus menghubungi Agensi Kawal Selia seperti maklumat berikut:

Sub Sektor Gudang Darat	Unit Logistik Perdagangan, Bahagian Perancangan Strategik dan Antarabangsa, MOT	hasrina@mot.gov.my 03-88921278 m_hafiz@mot.gov.my 03-88921268
Sub Sektor Borong dan Runcit	Sekretariat Perdagangan Penedaran Perniagaan dan Industri Perkhidmatan, KPDNHEP	spip@kpdnhep.gov.my

**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
PUTRAJAYA
26 NOVEMBER 2022**